

10/10/1999

Dana khas Pas tidak dapat sambutan

KUALA TERENGGANU: Sebilangan besar peneroka dan peserta tanah rancangan di negeri ini tidak menyokong tindakan parti pembangkang, terutama Pas mengadakan kutipan derma RM10 daripada setiap penyokong untuk dana khas membiayai jentera pilihan raya parti itu.

Mereka mendakwa pelancaran dana khas semata-mata untuk menubuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak mendapat sambutan orang ramai, termasuk kalangan penyokong parti itu sendiri.

Tinjauan Berita Minggu di kalangan peneroka dan peserta beberapa tanah rancangan di negeri ini, termasuk Felda Bukit Bading, Felda Mengkawang, Felda Cador, Felda Tersat, Felda Jerangau, Felda Jerangau Barat, Felcra Bukit Kapah dan Felcra Pasir Pelata, semalam, membuktikan Pas tidak mampu dan mengharapkan bantuan orang ramai, terutama penyokong untuk menggerakkan jentera parti dalam pilihan raya umum nanti.

"Tanpa sumbangan wang orang ramai, jentera pilihan raya parti itu tidak dapat digerakkan," katanya.

Seorang peneroka Felda Jerangau, Dungun, Mat Piah Mat Ali, 48, berkata, kebelakangan ini Pas semakin kerap mengadakan ceramah untuk menambahkan jumlah kutipan untuk tabung itu.

Dalam ceramah Pas dan Keadilan, di Bukit Tunggul, kelmarin, parti pembangkang itu menagih simpati penyokong supaya menderma sekurang-kurangnya RM1 setiap individu.

Beliau menasihatkan orang ramai tidak terpedaya pujukan Pas untuk menderma yang dianggap berbentuk paksaan.

Katanya, tindakan Pas menetapkan kadar sumbangan seperti yang diumumkan oleh Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Dr Hassan Mohd Ali, tidak menepati konsep menderma dalam Islam.

"Kalau nak suruh orang derma, suruh sajalah. Janganlah menetapkan jumlah sumbangan sama ada RM5 atau RM10. Kalau jumlah derma ditetapkan, ia tidak dianggap derma tetapi berbentuk paksaan," katanya.

Dr Hassan juga mendakwa derma itu sebagai jihad untuk menubuhkan BN di bawah kepimpinan Dr Mahathir yang dianggap kejam.

Peneroka Felda Mengkawang, Hulu Terengganu, Abdul Aziz Awang Jusoh, 49, pula berkata, tidak ramai peneroka Felda itu menghadiri ceramah Pas yang diadakan di negeri ini.

"Lebih baik wang itu kami belanjakan untuk keperluan anak dan isteri. Bagaimanapun, kami meragui untuk menderma ke jalan yang betul," katanya.

"Kebelakangan ini, banyak penyokong Pas yang merungut kerana setiap kali berceramah mereka terpaksa menderma," katanya.

(END)